

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

→ **EKSKLUSIF**



Berus cat yang diuji IPPH-UPM yang menggunakan bulu babi.

**Info**

**Ujian Institut Penyelidikan Produk Halal UPM**

- Analisis berdasarkan maklumat kesahihan jenama, nama pengilang, negara pengeluar dan bahan digunakan
- Guna mikroskop berkuasa tinggi bagi tentukan sama ada daripada bulu haiwan atau sintetik
- Ujian kimia bagi melihat tindak balas bahan produk
- Ujian terakhir ialah pembakaran bagi mengesan bau
- Ujian FTIR yang terkini, lebih mendalam mengenai struktur bahan



Mohd Hafis Yuswan menjalankan ujian terperinci ke atas berus gigi yang didapati bebas daripada bulu babi.

# Berus cat buatan China meragukan

→ IPPH UPM dapati dua sampel dibeli BH di pasaran guna bulu babi

Oleh Osman Lisut  
manlee@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**eraguan pengguna Islam mengenai status halal pelbagai berus terjawab apabila ujian makmal mengesahkan memang ada alat yang dijual di pasaran menggunakan bulu babi.

BH yang cuba mencari kepastian selepas isu itu diviralkan dalam media sosial, membeli dua sampel

berus cat, enam jenama berus gigi serta satu set berus solekan dan dihantar ke Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia (IPPH-UPM), pada 24 Januari lalu untuk diuji.

Hasil ujian diperolehi semalam mengesahkan dua sampel berus cat tanpa jenama buatan China yang menggunakan kod A913 dan A680, mengandungi bulu babi.

Pegawai penyelidik IPPH-UPM, Dr Yanty Noorzianna Abdul Manaf, ketika membacakan keputusan ujian itu berkata, sampel berus cat itu diuji menggunakan peralatan berteknologi tinggi *Fourier Transform Infra Red (FTIR)*.

Katanya, pasukan penyelidik menggunakan FTIR sebanyak tiga kali bagi mendapatkan keputusan tepat dan sah ke atas semua sampel produk yang diterima daripada BH.

“Daripada berus gigi (enam unit), berus cat (dua) dan berus solekan (satu set) yang diuji, didapati berus

cat mencatatkan lebih 70 peratus daripada bulu haiwan.

“Semakan dalam pangkalan data IPPH mendapati ia sepadan produk lain yang pernah kami uji, iaitu bahannya diperbuat daripada bulu babi,” katanya.

Selain untuk mengecat, berus itu turut digunakan oleh orang ramai dalam proses penyediaan makanan seperti kuih dan kek.

**Berus gigi bebas bulu haiwan**

Pegawai penyelidik IPPH UPM, Mohd Hafis Yuswan Mohd Yusoff yang bertanggungjawab menguji berus gigi, berkata ujian terperinci mendapati ia bebas daripada bulu haiwan atau bulu babi.

Sebaliknya, sampel berus gigi yang diimport dari China dan Vietnam itu diperbuat daripada nylon, polyester dan fiber sintetik atau spandex.

“Bagi mengelak kesilapan, kami menguji setiap sampel sebanyak tiga kali dan semakan daripada pangkalan data IPPH mendapati ia



Pasukan penyelidik gunakan FTIR tiga kali bagi dapatkan keputusan tepat dan sah ke atas semua sampel produk”

**Dr Yanty Noorzianna Abdul Manaf,**  
Pegawai penyelidik IPPH-UPM

bebas daripada bahan yang meragukan,” katanya.

Ujian terhadap berus solekan oleh Dr Yanty Noorzianna juga mengesahkan ia menggunakan berus dihasilkan daripada polyester.

**Pengguna perlu waspada**

Sementara itu, Ketua Laboratori Perkhidmatan Halal, IPPH UPM, Prof Madya Dr Nitty Hirawaty Kamarulzaman, meminta pengguna Islam lebih berhati-hati ketika membeli berus cat buatan China sama ada dijual di pasar raya atau kedai perkakasan binaan kerana dikhawatiri diperbuat daripada bulu babi.

Beliau berkata, pengguna yang meragui kesahihan status halal produk boleh merujuknya kepada makmal IPPH-UPM.

“Kalau boleh, sebelum beli lihat bahan yang tertulis pada bungkusan, sama ada boleh digunakan atau sebaliknya. IPPH bersedia membantu jika pengguna meragunya,” katanya.